

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [
PUTATAN]**

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN : 54

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian keatas keluhan rakyat mengenai dengan mutu perkhidmatan Poslaju yang kerap menghantar lewat mel yang sepatutnya untuk serahan segera terutamanya sekali mel-mel Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Adalah menjadi keutamaan Pos Malaysia untuk memastikan mutu perkhidmatan serahan Poslaju khususnya yang berkaitan dengan urusan Kerajaan sentiasa berada pada tahap yang baik.

Untuk makluman, serahan surat / mel / bungkusan kepada semua jabatan atau agensi kerajaan di Kota Kinabalu dibuat setiap hari oleh kakitangan Pos Malaysia yang khusus. Walau bagaimanapun terdapat juga jabatan dan agensi kerajaan yang menggunakan perkhidmatan peti surat persendirian ("P.O. Box") atau karung berkunci di mana pungutan dari peti

SOALAN NO: 137

surat persendirian atau karung berkunci ini dibuat oleh kakitangan dari jabatan atau agensi kerajaan tersebut.

Selari dengan permintaan bagi perkhidmatan pos terutamanya Poslaju yang semakin meningkat, pihak Pos Malaysia juga senantiasa mencari kaedah baru atau *alternative*, dengan izin, untuk memperbaiki serta meningkatkan mutu perkhidmatan daripada masa ke semasa dari segi aspek serahan, pemprosesan, pengangkutan jarak jauh dan juga lain-lain.